

06/02/2003

Pahang bekukan projek di Cameron Highlands (HL)

Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Kerajaan Pahang membekukan serta-merta semua projek pembangunan di tanah tinggi Cameron Highlands sementara menunggu Akta Pemuliharaan Tanah 1960 dipinda Kerajaan Pusat.

Mengumumkan keputusan itu di sini semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pembekuan itu turut membabitkan projek pembersihan tanah dan meratakan kawasan berlereng yang dilakukan pemaju, Deng Seng Enterprise Sdn Bhd (Deng Seng), di kawasan 10 hektar daripada 24 hektar milik syarikat itu.

Tiga lagi projek pembangunan turut terbabit dengan pembekuan itu. Ini termasuk pembinaan perumahan dan lot komersial di Sungai Ruil yang pelannya sudah diluluskan Majlis Daerah Cameron Highlands.

Adnan berkata, beliau akan menghantar surat secara faksimili kepada Pegawai Daerah Cameron Highlands, Haron Abdul Kader, bagi memaklumkan keputusan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pembekuan itu tidak membabitkan projek pembangunan di tanah tinggi lain di Pahang, iaitu Bukit Fraser, Bukit Tinggi dan Genting Highlands kerana setakat ini pemaju di kawasan terbabit mematuhi peraturan.

Beliau berkata, pembekuan semua projek pembangunan di Cameron Highlands pula berkuat kuasa sehingga peruntukan baru atau pindaan dilakukan terhadap Akta Pemuliharaan Tanah 1960 yang membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap pemaju yang melanggar peraturan.

"Pada sidang Parlimen bulan depan, Kerajaan Pusat mungkin boleh membawa syor pindaan akta itu dan selepas diwartakan, kita akan membenarkan projek pembangunan di Cameron Highlands diteruskan.

"Mereka yang melakukan kesalahan, akan dikenakan tindakan mengikut peruntukan baru itu," katanya selepas melancarkan kempen mengutip Sejuta Tandatangan Aman Malaysia peringkat negeri di sini.

Reaksi drastik Kerajaan Pahang itu dipercayai menyusul teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, berhubung keghairahan sesetengah pemaju mencari keuntungan tanpa menghiraukan alam sekitar.

Berikutan itu juga Perdana Menteri menyarankan agar pemaju yang sewenang-wenangnya merata dan menarah bukit di kawasan tanah tinggi, dikenakan hukuman lebih berat, termasuk penjara.

Baru-baru ini, syarikat Deng Seng yang melaksanakan projek tanaman tomato, dilaporkan menggunakan jentolak untuk meratakan kawasan itu hingga mencemarkan alam sekitar.

Adnan berkata, kerajaan negeri sudah serik dengan kes yang dilakukan Deng Seng dan mengambilnya sebagai 'pengajaran paling pahit' yang harus diterima semua pihak.

Beliau berharap permintaan Kerajaan Pahang supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar meminda akta itu segera tidak disalah anggap

sebagai mencampuri urusan Kabinet.

"Penguatkuasaan dilakukan dengan baik, tetapi tindakan yang boleh diambil mengikut akta itu hanya dipandang remeh oleh syarikat bermodal besar.

"Kes itu menjadi ikhtibar dan bagi saya, `bola' (kuasa) kini di tangan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Dr Law Hieng Ding," katanya.

Adnan berkata, masalah di Cameron Highlands timbul disebabkan pemaju melakukan pemotongan tanah sehingga mengganggu konturnya dan mencemarkan alam sekitar dan bekalan air di situ.

Katanya, jika kes berkenaan turut berlaku di tanah tinggi lain di Pahang, tindakan sama akan dilakukan terhadap pihak terbabit.

"Pemaju boleh mengemukakan rayuan tetapi sama ada projek boleh diteruskan, bergantung kepada mereka sendiri jika memenuhi peraturan ditetapkan.

"Tetapi buat masa ini, tiada alasan untuk kita melayan rayuan mereka kerana sudah mendapat pengajaran yang pahit. Kita sudah memberi peluang, tetapi pemaju merosakkannya," katanya.